

TIKUS



Penyakit Yang Dibawa Oleh Tikus

Tikus menyebarkan pelbagai jenis penyakit kepada manusia seperti Hawar, Taifus, jangkitan cacing, jangkitan virus dan bakteria.

Keadaan Yang Menggalakkan Pembiakan Tikus

Tikus membuat sarang dan membiak di tempat yang terdapat makanan dan di tempat yang terlindung, biasanya di premis makanan, dapur yang kotor, gudang, kilang memproses makanan, tempat pembuangan sampah dan longkang. Selain daripada itu, bangunan lama, kandang binatang, tanah pertanian yang terbiar, runtuh batu, timbunan kayu, konkrit atau batu-bata yang pecah menjadi tempat perlindungan yang sesuai untuk tikus. Sampah-sarap yang tidak diurus dengan sempurna akan meningkatkan masalah tikus.

Cara-Cara Mengesan Kehadiran Tikus

- **Pergerakan tikus**
Pergerakan tikus dapat dilihat pada waktu siang dan malam di tempat ia berselindung. Kehadiran tikus juga dapat dikesan daripada tinggalan air kencing, bau dan sarangnya.
- **Kesan kunyahan**
Tanda-tanda pada pintu, tingkap dan bungkus barang terutamanya barangan makanan membuktikan kehadiran mereka.
- **Kewujudan lubang baru**
Periksa di sekitar tapak pembinaan, di bawah permukaan lantai, tepi jalan, pelantar dan benteng sungai.
- **Tinggalan najis**
Najis yang segar adalah tanda kehadiran haiwan perosak ini. Periksa di belakang peralatan berdekatan dengan dinding dan di tempat-tempat "yang jarang dibersihkan" atau diusik.
- **Jejak tapak kaki tikus**
Periksa tempat yang berdebu untuk jejak tikus (tapak kaki).
- **Lumuran laluan**
Cari kawasan yang berlumur di sepanjang dinding berhampiran dengan paip, longkang dan tempat-tempat terbuka di mana tikus bergerak.
- **Memasang umpan tikus**
Letakkan makanan dan perhatikan untuk tanda-tanda ia dimakan atau tidak.

Langkah-langkah Untuk Mengawal Tikus

- Jangan memberikan peluang kepada tikus menghampiri makanan atau mencari tempat perlindungan.
- Kerumitan mendapatkan makanan bagi tikus perlu diwujudkan dengan menutup sampah-sarap dengan baik.
- Makanan perlu disimpan di tempat yang selamat dari ancaman tikus seperti di bekas atau almari. Pastikan kebersihan persekitaran tempat anda.
- Hapuskan tempat perlindungan tikus. Pastikan barang-barang disimpan secara teratur.
- Pasangkan jaring dawai di semua lubang yang sesuai.
- Perangkap tikus dengan cara memasang jerat untuk mengurangkan ancaman tikus.
- Gunakan racun tikus mengikut peraturan yang ditentukan.



Diterbitkan oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan dengan kerjasama Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia

HAPUSKAN

Lipas
Lalat
Tikus




Mencintai Kami Kembali
Shut Sepanjang Hayat

LIPAS



Di Manakah Lipas Membiak?

Lipas boleh didapati di tempat yang kotor umpamanya saluran kumbahan, tempat pembuangan sampah dan premis makanan yang kotor. Ia juga bersembunyi di bawah peti ais, di dalam almari dapur, tangki najis dan di mana-mana tempat lembap dan terselindung dari cahaya.

Bagaimana Mengawal Lipas?

Pencegahan adalah kunci untuk menangani masalah lipas. Beberapa langkah pencegahan termasuklah :

- Elakkan kemasukan lipas ke premis anda dari bangunan berhampiran dengan menutup ruang dan lubang yang boleh dilalui lipas
- Kebersihan premis perlu dijaga
- Elakkan sisa makanan bertaburan
- Tutup tong sampah
- Cuci peralatan dapur dengan segera selepas digunakan
- Simpan semua bahan makanan di tempat bertutup yang tidak boleh dimasuki lipas
- Jalankan aktiviti pembasmian lipas secara berkala
- Mendapatkan nasihat pihak berkuasa sekiranya keadaan tempat anda tidak dapat dikawal dari ancaman lipas
- Kawalan secara semburan amat berkesan tetapi mesti digunakan dengan betul

Lipas adalah sejenis serangga dan makhluk perosak yang telah hidup sejak zaman purba.

Apakah Bahayanya Lipas?

Lipas mempunyai tabiat buruk iaitu mengeluarkan semula makanan yang separuh hadam dan meninggalkan najis sambil makan. Bulu kakinya pula mengangkut dan menyebarkan kuman, virus, telur cacing, kulat dan kotoran di merata-rata tempat. Selain dari itu, lipas yang telah berkeliaran di tempat najis boleh mencemarkan makanan apabila merayap ke atas makanan tersebut. Di antara penyakit yang dikaitkan dengan lipas adalah :-

- Keracunan makanan
- Cirit-birit
- Disenteri
- Alahan kulit



LALAT

Apakah Bahayanya Lalat?

Lalat telah dikaitkan sebagai pembawa kuman penyakit yang boleh menyebabkan individu dan keluarganya mengidap pelbagai penyakit. Contoh penyakit-penyakit yang dibawa oleh lalat termasuklah disenteri, cirit-birit, tifoid (demam kepialu), jangkitan cacing, 'enteritis' dan keracunan makanan.

Keadaan Yang Menggalakkan Pembiakan Lalat

Lalat tertarik kepada najis serta berbagai tempat lain seperti tanaman/buah-buahan, sampah-sarap, sampah kebun dan sisa makanan.

Kawalan lalat memerlukan penghapusan tempat-tempat pembiakan lalat, pemusnahan larva dan lalat dewasa serta menjadikan makanannya sukar diperolehi.

- Bahan-bahan buangan harus dibungkus sebelum dibuang
- Tong sampah harus dibersihkan dan sentiasa ditutup rapat

- Makanan harus dikawal daripada dicemari oleh lalat dengan menutup atau menyimpan di dalam almari
- Gunakan lilin yang menyala atau alat pembunuh elektrik agar lalat tidak hinggap di atas makanan yang terdedah
- Memastikan kebersihan di dalam dan di luar tempat penghidangan makanan
- Memastikan pembuangan sampah dilakukan dengan sempurna
- Lalat-lalat dewasa harus dibunuh dengan semburan racun serangga
- Menjalankan aktiviti gotong-royong
- Laporkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan berhubung kebersihan yang tidak memuaskan. Contohnya sampah yang tidak diangkut.

